

KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Petender-petender yang berdaftar dengan **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (Kem. Kew)** di bawah Bidang/Sub-Bidang dan Pecahan Sub-Bidang yang ditetapkan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi menjalankan kerja/perkhidmatan berikut:

NO. & TAJUK TENDER	SYARAT KELAYAKAN	TARIKH DIJUAL / TUTUP TENDER & HARGA DOKUMEN
UPSI/T/09/2026 TENDER BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI (DI MANA BERKENAAN) PEROLEHAN PERKAKASAN, PERISIAN SERTA PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN BERASASKAN ICT UNTUK MAKMAL KEPINTARAN BUATAN DI BANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BTM), FAKULTI KOMPUTERAN & META-TEKNOLOGI, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS, TANJONG MALIM, PERAK	Kementerian Kewangan Malaysia (Kem. Kew) Kod Bidang 210101/210102/210103/210108 dan Wajib berdaftar dengan UPSI (Berstatus Aktif)	<u>TARIKH TENDER MULA DIJUAL</u> 3 OGOS 2026 (ISNIN) Hingga <u>TARIKH TENDER DITUTUP</u> 7 SEPTEMBER 2026 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH HARI <u>HARGA DOKUMEN</u> RM100.00 / SENASKHAH
PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI BAGI UPSI/T/09/2026 Pendaftaran UPSI & Dokumen Tender : 05-4506210 & 013-4309615, emel perolehan@bendahari.upsi.edu.my (Unit Perolehan dan Pengurusan Kontrak, Jabatan Bendahari) Berkaitan Teknikal : Pn. Rohaizah binti Abdul Wahid: 016-4567407, email rohaizah@meta.upsi.edu.my		

2. Dokumen Tender boleh didapati di Jabatan Bendahari 2, Aras Bawah, Bangunan Canselori dengan bayaran tanpa tunai secara **Kad Debit / Kredit**. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan. Dokumen Meja Tender akan dipamerkan pada tarikh ianya mula dijual.
3. Syarikat-syarikat yang berminat memasuki tender adalah dikehendaki mengemukakan sijil asal (termasuk satu salinan) **Kementerian Kewangan, SSM dan Kad Pengenalan pemilik lesen**. Hanya pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan membeli tender atau kakitangan syarikat yang sah bersama surat perwakilan kuasa boleh membeli tender dan dibenarkan membuat pembelian untuk satu naskah tender sahaja.
4. Dokumen tawaran tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis di sudut atas kiri nama dan no. tender seperti di atas dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di Jabatan Bendahari 2, Aras Bawah, Bangunan Canselori, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak **pada atau sebelum hari tender tersebut ditutup jam 12.00 tengah hari**. Petender adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan **Sijil Pematuhan Cukai/Tax Compliance Certificate (TCC)** semasa menghantar dokumen tawaran tender ini.